

18/04/2004

Langkawi Falls wujud hasil kerja tangan

Wan Jailani Razak

KEUNIKAN reka bentuk dengan bunyi desiran terjunan air dan suasana tenang ketika mengunjungi `Air Terjun Langkawi' atau `Langkawi Falls' membuatkan ramai pelancong tidak percaya bahawa ia adalah buatan manusia.

Batu batan yang digunakan, kolam takungan, dinding terowong dan gua di atas air terjun yang turut dibina bagi mewujudkan kesepaduan dengan keadaan semula jadi persekitaran bukit bukau di situ, hampir menyamai air terjun asli.

Struktur air terjun buatan manusia itu agak unik kerana ia mempunyai terowong jalan raya sepanjang 50 meter. Justeru, tidak hairanlah, air terjun dengan ketinggian 66.92 meter yang diiktiraf tertinggi negara di Kilometer 8, Jalan Teluk Datai, Langkawi oleh Malaysia Book of Records itu kini dikunjungi ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

Semua itu bermula hasil idea bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang dianggap arkitek utama pembangunan pulau peranginan itu, pada siri lawatannya awal 2003 yang mahu sebuah air terjun menghadap Laut Andaman, dibina di situ.

Berikutan itu, sebuah syarikat swasta, Gerbang Perdana Sdn Bhd (Gerbang Perdana) yang diterajui Pengarah Urusannya, Datuk Yahya A Jalil menyahut cabaran untuk merealisasikan visi berkenaan untuk membina sebuah air terjun yang unik sebagai hadiah kepada penduduk Langkawi dan melambangkan kecintaan bekas Perdana Menteri terhadap rakyat dan negara ini.

Kerja pembinaan air terjun, kolam takungan dan cerun bukit di sekitar air terjun itu bermula pada awal Ogos 2003 dan disempurnakan pada Februari 2004. Pada 7 Mac lalu, Dr Mahathir yang juga Penasihat Lembaga Pembangunan Langkawi diberi penghormatan untuk menamakan air terjun itu serentak majlis perasmiannya.

Air terjun itu dibahagikan kepada tiga aras yang mana aras pertama dan kedua dibina di atas terowong jalan dan aras ketiga adalah air terjun melata di atas batu batan.

Tumbuhan yang ditanam di sekeliling air terjun dipilih supaya serasi dengan tumbuhan semula jadi yang terdapat di cerun bukit itu. Malah, sudah ada burung layang-layang dan kelawar menjadikan dinding di gua itu sebagai habitat mereka. Ini menambahkan keindahan yang mirip air terjun sebenar.

Air terjun itu menawarkan pemandangan Laut Andaman yang indah dan menjadi satu-satunya air terjun di negara ini yang mengalir di atas terowong jalan. Ketinggian air terjun itu mengatasi air terjun di Taman Gunung Lang di Ipoh yang mempunyai ketinggian 44.47 meter.

Pengunjung dari Kelantan, Dulliah Omar, 59, berkata penduduk Langkawi bertuah kerana memiliki banyak pilihan tempat menarik untuk dilawati, berikutan pembinaan air terjun yang kini menjadi daya tarikan baru pelancong.

"Saya dan suami kerap ke Langkawi atas urusan keluarga dan setiap kali lawatan, ada saja tempat baru pelancongan hendak dilawati," katanya sambil menambah senario itu berbeza dengan Kelantan yang masih kekurangan produk pelancongan menarik.

Justeru, katanya, Langkawi boleh dijadikan contoh kepada mana-mana kerajaan negeri jika mahu membangunkan sektor pelancongan sekali gus menjana punca ekonomi penduduk.

Hanya kira-kira 50 meter dari situ, pelancong boleh meredah Hutan Lipur Air Terjun Temurun yang letaknya di Hutan Simpan Machinchang Langkawi. Sungai Temurun mempunyai air terjun yang menarik dengan ketinggian 30

meter, sesuai digunakan untuk bermandi manda, berkelah dan berehat.

Kemudahan rekreasi yang disediakan termasuk wakaf dan kemudahan awam untuk mandi, laluan berjoging dan bersiar-siar. Selain itu itu, satu denai hutan yang menghubungkannya ke Hutan Lipur Pasir Tengkorak turut disediakan.